

# Malaysia-Korea jalin kerjasama multimedia

SEBUAH 9 Mac - Malaysia akan menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang multimedia kreatif termasuk latihan, kepakaran serta program pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam bidang teknologi kreatif, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaluddin Jarjis.

Menurut beliau, komitmen Malaysia dalam penyediaan kemudahan dalam industri itu termasuk bidang animasi grafik memberi peluang meluas kepada rakyatnya yang berbakat untuk mengembangkan kreativiti mereka dengan memasukkan nilai-nilai budaya masyarakat tempatan.

"Sebenarnya kerajaan Korea Selatan

agak liberal dan sentiasa memberi sokongan dalam bidang kreatif multimedia dan industri animasi.

"Kerajaan Malaysia juga mengambil pendekatan sama menerusi penubuhan Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDec) dengan sentiasa membantu usahawan-usahawan berkaitan untuk mencapai kejayaan hingga ke peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perjanjian persefahaman bersama (MoU) antara Mdec dan Korean Creative Content Industry (Kocca) di sini hari ini yang disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Um- 10/3/2007  
Najib Tun Razak.

Jamaluddin percaya, dengan adanya lebih 3,000 syarikat dalam industri animasi grafik di negara ini, syarikat Malaysia mampu meraih pengalaman dan pengetahuan menerusi kerjasama serta persefahaman yang terjalin nanti.

Menerusi MoU itu, syarikat-syarikat terbabit di kedua-dua negara boleh mengadakan program latihan secara intensif di negara ini, pemindahan teknologi, perniagaan pintar, pasaran, seminar dan persidangan serta cadangan pembentukan polisi berkaitan industri tersebut terutama di kalangan negara anggota ASEAN.